

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 23 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L19210
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengukur keberkesanan dan kejayaan program-program pembasmian kemiskinan luar bandar dan apakah ukuran yang digunakan bagi mengukur keberkesanan tersebut.
2. PR-022-L20130
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki pelajaran termasuk pengajaran Matematik dan Sains melalui Bahasa Inggeris, standard guru di semua peringkat serta pelbagai jenis sekolah. Setakat manakah beliau berjaya untuk menguatkuasakan persekolahan wajib terutamanya di luar bandar.
3. PR-022-L19152
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa orang anggota kakitangan Kerajaan termasuk anggota polis dan askar yang telah menerima suntikan vaksin untuk menentang Influenza A (H1N1) dan adakah ia berkesan.
4. PR-022-L19616
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah rasional meletakkan Hakim-hakim Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen di bawah kuasa Pejabat Peguam Negara (AG's Chambers); dan

- (b) mengapa Kerajaan tidak meletakkan hakim-hakim Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen di bawah Yang Dipertuan Agong sejajar dengan pelaksanaan doktrin pengasingan kuasa yang lebih berkesan.
5. PR-022-L18725
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status Projek Cari-cari mengikut kawasan Parlimen yang telah dilancarkan pada tahun 2008.
6. PR-022-L19537
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pengoperasian syarikat Credit Tip Off Service Sdn Bhd (CTOS) dan nyatakan apakah prosedur atau proses yang dilalui bagi seseorang sebelum di senarai hitamkan oleh CTOS.
7. PR-022-L19785
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tanda aras ataupun 'benchmark' yang akan diguna pakai dalam mengukur KPI seseorang Menteri ataupun Kementerian. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya Menteri ataupun Kementerian berkenaan tidak melepasi KPI tersebut.
8. PR-022-L19710
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendekatan baru yang dilaksanakan untuk memperkasa program keusahawanan dan meningkatkan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam negara, berikutan penyerapan fungsi tersebut daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada MITI.
9. PR-022-L18477
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada langkah-langkah untuk memastikan kecantikan dan kebersihan rumah-rumah murah di Bandaraya akan diperketatkan kerana ini akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai "first class city".
10. PR-022-L18414
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar di Parlimen Machang mengikut tahun mulai 2007, 2008 dan 2009 dan bilakah Kerajaan bercadang mengumumkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baru untuk negara ini.

11. PR-022-L20084
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dari mereka yang ingin memasuki kesemua maktab perguruan di seluruh negara dan berapa jumlah yang telah berjaya di terima masuk bagi kursus yang akan bermula pada bulan Jun/Julai 2009 ini. Sila beri maklumat ini dalam pecahan mengikut negeri-negeri.
12. PR-022-L19243
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa hanya setelah di senarai hitamkan oleh pertubuhan OECD sebagai negara perlindungan cukai yang tidak bekerja sama, barulah Malaysia bersetuju untuk mematuhi peraturan cukai yang ditetapkan oleh pertubuhan itu dan adakah benar Malaysia sebuah negara "Tax Haven" sebelum itu.
13. PR-022-L19129
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan agar mengkaji pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dipercepatkan penerimaan pinjaman dari satu semester kepada satu semester kepada satu bulan agar memudahkan pelajar baru menggunakan pinjaman tersebut.
14. PR-022-L19604
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah warga Afrika dibenarkan masuk ke Malaysia untuk tahun-tahun 2005, 2006, 2007, 2008 dan untuk tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Mei 2009 dan daripada jumlah ini berapakah yang masuk sebagai penuntut institusi pengajian tinggi dan sebagai pelawat. Seterusnya, apakah anggaran untuk tahun-tahun tersebut bagi jumlah warga Afrika yang ada di Malaysia tanpa kebenaran sah dan adakah anggaran purata untuk tempoh berapa lama warga Afrika menetap di Malaysia, sama ada secara sah atau tidak sah.
15. PR-022-L18496
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian mengadakan rancangan khas untuk membantu kaum Penan di Sarawak khususnya di kawasan Belaga, jika ya, apa dan bila rancangan tersebut akan dilaksanakan.
16. PR-022-L19656
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam menangani isu kenaikan tol di lebuhraya yang amat membebankan rakyat akibat dari perjanjian konsesi yang lebih berpihak kepada pemegang konsesi yang terbabit.

17. PR-022-L19925
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status pemberian tanah kepada 20,000 ketua keluarga Orang Asli di bawah dasar Pemberi Milikan dan Pembangunan Tanah. Adakah orang Asli di Labis juga turut mendapat pemberian tanah di bawah dasar ini.
18. PR-022-L18454
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah Kementerian bercadang akan menyelesaikan masalah tuntutan pemilikan Sabah oleh pihak tertentu yang mewakili Kesultanan Sulu, terutama sekali selepas berlakunya peristiwa pembakaran bendera di Lahad Datu baru-baru ini; dan
 - (b) adakah Kementerian mempunyai sebarang penyelesaian yang kekal untuk mempertikaikan 'tuntutan' tersebut.
19. PR-022-L19470
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pandangan berhubung status dan rancangan sebuah jambatan menghubungkan Labuan dan Sabah seperti mana turut disuarakan oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Adakah sebarang usul telah dipanjangkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan.
20. PR-022-L19383
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan indeks kes jenayah yang berlaku seluruh negara sepanjang tahun 2007, 2008 dan 2009 dengan perincian setiap negeri dan apakah peranan setiap pihak untuk menurunkan kadar indeks ini.
21. PR-022-L19263
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) bilangan pengguna yang melaporkan kes penipuan alat timbang digital pada tahun 2006, 2007 dan 2008; dan
 - (b) apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk membanteras penipuan alat timbang digital untuk menjamin hak pengguna.

22. PR-022-L19706
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil oleh individu atau kumpulan yang terlibat menghina DYMM Sultan Terengganu semasa bantahan pelantikan Menteri Besar Terengganu dengan mempamerkan kain rentang "KAMI NAK DERIS, NATANG".
23. PR-022-L18690
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memelihara ekuiti Bumiputera apabila pelaksanaan liberalisasi 27 sub-sektor perkhidmatan dijangka memberi satu persekitaran perniagaan yang kondusif.
24. PR-022-L19951
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi memberi peluang syarikat Bumiputera sebagai pembekal barangan kepada kedai Mesra (Petronas) tanpa dikenakan apa-apa bayaran cagaran.
25. PR-022-L18730
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah projek jalan raya dan jambatan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi kawasan Tuaran dan berapakah jumlah projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 2009.
26. PR-022-L19932
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status terkini Projek Bakun dari segi isu teknikal dan kewangan dan "project milestone" projek tersebut.
27. PR-022-L18822
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan meneruskan niat untuk memberi bekalan elektrik daripada Empangan Hidro Bakun ke Sabah memandangkan penekanan baru lebih kepada Semenanjung Malaysia.

28. PR-022-L19311
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) kesahan kajian yang menyatakan rokok mengandungi lebih 4000 bahan kimia yang akan menyebabkan penyakit kronik seperti kanser paru-paru, kanser mulut, leher, gangren, kelahiran bayi pra-matang dan keguguran janin ; dan
 - (b) kenal pasti bahan kimia yang mana mengakibatkan penyakit-penyakit tersebut.
29. PR-022-L19278
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kementeriannya untuk memartabatkan pasukan RELA.
30. PR-022-L18575
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar penyusunan tempat bertugas Guru KAFA yang memisahkan jarak suami dan isteri yang bekerja. Atas dasar kemanusiaan dan keluarga penyayang dan keselesaan berkhidmat, adakah Kementerian bercadang untuk menimbang semula kedudukan penempatan ini.
31. PR-022-L19412
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana tindakan penempatan Juruteknik Komputer membantu sekolah ke arah pembestarian sekolah.
32. PR-022-L18705
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk membina sekolah baru Cina, Tamil ataupun Sekolah Kebangsaan di kawasan Bercham, Ipoh. Jika ya, di mana dan jika tidak, kenapa.
33. PR-022-L18866
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah tahap kerja-kerja peningkatan dan pengawasan banjir di seluruh kawasan Teluk Intan pada masa ini; dan
 - (b) apakah sumbangan segera untuk mangsa-mangsa banjir dan banjir kilat yang sedia ada dan bagaimana mereka boleh terima bantuan ini.

34. PR-022-L18629
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah fungsi syarikat SKALI.COM yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengendalikan projek IT, berapa lama tempoh dan nilai kos kerja tersebut.
35. PR-022-L18552
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang mengharamkan penukaran agama secara paksa ; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang memastikan agama juvana, yang mana-mana satu ibu bapa mereka bertukar agama, dipertahankan pada agama asal ketika ibu bapa mereka melangsungkan perkahwinan dan hak waris tetap terpelihara walaupun salah satu daripada pasangan tersebut telah bertukar agama.
36. PR-022-L19898
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan membentangkan peraturan (regulations) yang sepatutnya terkandung bahawa Building and Common Property (Maintenance & Management Act 2007). Apakah Pesuruhjaya Bangunan (Commission Of Buildings) boleh mendakwa pemaju yang enggan mengikut arahnya berdasarkan Seksyen 17(7) dalam akta tersebut.
37. PR-022-L20110
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada berdasarkan masa dan keadaan sekarang, Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan dan mengamalkan semula sekolah-sekolah aliran Inggeris di negara ini.
38. PR-022-L19502
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah kejayaan program memulihara sumber-sumber bekalan air bersih yang semakin kelihatan kritikal sekarang.
39. PR-022-L18949
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah Kerajaan dalam mempertingkatkan infrastruktur dan prasarana Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh negara khususnya daerah Kinabatangan dan Tongod; dan

- (b) definisi "tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara" terutama dalam membebaskan tahanan ISA.

40. PR-022-L18909

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah kriteria-kriteria terbaru yang diambil kira di dalam menganugerahkan Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam kepada graduan Universiti; dan
- (b) statistik penganugerahan Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam kepada graduan Bumiputera dan graduan bukan Bumiputera dari tahun 2006 sehingga 2008.

41. PR-022-L18877

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah proses paten sesebuah hasil kajian atau ciptaan inovasi dilaksanakan dan adakah hasil kajian atau ciptaan inovasi tersebut sampai ke peringkat pemasaran dalam dan luar negara.

42. PR-022-L18788

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kekeliruan orang ramai mengenai tahanan ISA yang dibebaskan baru-baru ini terutama Uthayakumar, penasihat Hindraf sebuah pertubuhan haram, di mana beliau ditahan atas keselamatan tetapi apakah beliau dibebaskan atas pertimbangan politik dan sesudah dibebaskan beliau telah mengeluarkan berbagai kenyataan yang angkuh sehingga memalukan KDN dan mempermainkan keluhuran Perlembagaan dan undang-undang negara.

43. PR-022-L18815

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa telah terjadi kepada pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya-Suruhanjaya di-Raja mengenai Polis dan kes V.K Lingam dan mungkinkah pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya di-Raja ini dilupakan dan benarkah pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya di-Raja itu tidak mempunyai apa-apa 'status' dari segi Perlembagaan.

44. PR-022-L18512

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib bersedia membina jambatan bengkok di Selat Tebrau, Johor Bahru.

45. PR-022-L19065
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk melonjakkan pengajian tinggi negara, bagaimanakah proses transformasi USM dengan status Apex setakat ini, terutamanya dalam soal meningkatkan usaha sama dengan pihak-pihak swasta untuk memajukan hasil penyelidikan yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan.
46. PR-022-L20105
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tahap pencapaian dasar mengajar bahasa ibunda iaitu Cina dan Tamil, dalam sekolah-sekolah kebangsaan berbanding dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.
47. PR-022-L19835
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menambah baik terma-terma pembantu rumah bagi menarik minat rakyat tempatan menjadi pembantu rumah untuk memberi peluang rakyat Malaysia yang menganggur sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja-pekerja asing dan aliran keluar wang negara.
48. PR-022-L19653
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pegangan ekuiti Bumiputera boleh dipertingkatkan melalui dasar liberalisasi di sektor perkhidmatan seperti mana yang diumumkan Kerajaan baru-baru ini.
49. PR-022-L19175
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tujuan Kerajaan untuk meneruskan perbincangan FTA dengan Amerika Syarikat. Adakah ini bermaksud bahawa Kerajaan akan menerima 'WTO Plus Dictates' seperti Government Procurement, Competition Policy dan IPR yang akan ditentukan oleh Amerika.
50. PR-022-L19382
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah kes ragut yang telah dilaporkan sejak Januari tahun 2000 hingga April tahun ini dan berapa orang mangsa telah menemui maut; dan
 - (b) nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk mencegah jenayah ini.

51. PR-022-L18472
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah kes tindakan mahkamah yang telah dikenakan terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia atas kecuiaan yang dilakukan oleh pihak Kementerian sendiri semenjak 1999-2009 seperti kecuiaan Kakitangan Hospital terhadap Pesakit dan kecuiaan Kementerian terhadap Hospital Swasta (sila nyatakan hospital yang terlibat); dan
 - (b) berapakah jumlah kos ganti rugi yang telah dialami oleh Kementerian dalam hal ini.
52. PR-022-L18515
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap program persembahan Divine Performing Arts World Tour di Malaysia yang mempunyai artis latihan senaman Falun Gong.
53. PR-022-L19441
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan dari program manakah Puncak Baru diwujudkan sedangkan projek ini langsung tidak dinyatakan dalam Draf Pelan Pembangunan Kampung Baru, apakah hala tuju projek berkenaan, siapakah yang memegang hak milik ke atas projek itu dan apakah status isu tanah Lot 25 yang dituntut oleh peniaga asal yang masih belum selesai.
54. PR-022-L18701
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang beberapa syarikat Insurans yang enggan menjual insurans 'third party' untuk kenderaan kepada pelanggan kerana mendakwa mengalami kerugian, apakah benar kenyataan ini dan apa tindakan Kerajaan jika tindakan ini dianggap tidak menghormati hak pelanggan untuk memilih.
55. PR-022-L19742
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pusat Kajian Asia Tenggara yang diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri untuk mengkaji suasana geopolitik dan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara jiran.

56. PR-022-L18824
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes ragut yang berlaku sejak 5 tahun lalu (2004-2008) dan jumlah kes tersebut bagi tahun 2009 serta bilangan kes yang melibatkan kematian mangsa.
57. PR-022-L19103
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jeniskah Permit Import dikeluarkan oleh Kementerian sehingga hari ini.
58. PR-022-L18776
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bercadang untuk memansuhkan syarat ekuiti dan meliberalisasikan sektor perkilangan di Malaysia; dan
 - (b) pelan tindakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan asing dalam sektor perkilangan di Malaysia pada krisis ekonomi ini.
59. PR-022-L18535
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan mengambil tindakan membubarkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kerana Kerajaan telah yakin yang orang Melayu dan Bumiputera sudah maju dan telah bersedia untuk bersaing dengan kaum lain di Malaysia; dan
 - (b) sehingga bulan Mei 2008 berapa peratuskah pegangan ekuiti orang Melayu dan Bumiputera dalam hartanah di negara ini.
60. PR-022-L18753
Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah tidak dikawal penyiaran terlalu banyak drama-drama Indonesia yang menonjolkan cerita-cerita tahyul dan khurafat yang juga boleh membawa kesan buruk kepada masyarakat.

61. PR-022-L19367
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah fungsi dan peranan Biro Tatanegara. Sejauh manakah dakwaan seperti yang tersiar dalam surat khabar The Star pada 22/5/2008 bahawa Biro Tatanegara terlalu menekankan hak rakyat berasaskan perkauman hinggan ia menyebabkan perpecahan antara kaum.
62. PR-022-L18710
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kegagalan untuk mendaftar pelajar serta melantik pekerja pentadbiran golongan kaum India secara majoritinya di Institut NST Arumugam Pillai seperti yang dijanjikan semasa pembubaran South Indian Labour Fund pada tahun 1999.
63. PR-022-L20054
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang belajar di luar negara di bawah tajaan Kerajaan Malaysia yang diterima masuk di Universiti Harvard, Yale, Stanford, Princeton, Oxford dan Cambridge.
64. PR-022-L19370
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada ianya betul bahawa kos untuk menandakan jalur kuning atas jalan selekoh di hadapan Mahkamah Majistret, Pantai Remis, Perak menelan kos RM 30,000. Kalau betul, kenapa kosnya begitu tinggi.
65. PR-022-L19347
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kerajaan menurunkan harga runcit bakar RON 95 yang ditetapkan pada RM1.75 sekiranya harga petroleum dunia menurun sebelum tempoh permulaannya pada September tahun ini.
66. PR-022-L19267
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang mewujudkan satu Kementerian yang baru untuk menyelesaikan kemelut agensi MARA yang berada di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sedangkan fungsi MARA banyak berperanan di bandar dan berkaitan dengan bidang pelajaran dan perniagaan sahaja.

67. PR-022-L19141
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh HEOA untuk memastikan semua tanah warisan dan pusaka Orang Asli diwartakan secepat mungkin demi menjamin hak mereka; dan
 - (b) jika usaha yang sedang dijalankan untuk mewartakan tanah warisan Orang Asli, bilakah proses mewarta itu dijangka akan selesai.
68. PR-022-L19814
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan oleh Kerajaan bagi menangani kegiatan pelacuran yang mengikut satu laporan NST telah meraih hampir RM3 bilion pada tahun lepas (NST 25/05/09, muka depan). Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk "regulate" industri ini.
69. PR-022-L18971
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan doktor dan ambulans untuk menaik taraf mutu perkhidmatan klinik-klinik di luar bandar.
70. PR-022-L19862
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap Hindraf.
71. PR-022-L18783
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pembayaran cukai bagi anggota dan kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tahun 2006, 2007 dan 2008.
72. PR-022-L19767
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan enggan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mengkaji secara menyeluruh masalah peminggiran kaum India di Malaysia dan melantik wakil Hindraf, P.Uthayakumar sebagai seorang ahli Pesuruhjaya berkenaan.

73. PR-022-L19688
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan pengunjung Muzium Negara bagi tempoh 2005 hingga 2008 dan 2009 serta menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Muzium berkenaan.
74. PR-022-L19912
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa para pekebun kecil, terutamanya pekebun kelapa, sedang menderita kerana terpaksa menjualnya dengan harga sangat rendah, sedangkan di pasar, terutamanya di bandar besar, harganya begitu tinggi. Adakah Kementerian bercadang untuk memberi insentif khas kepada pekebun kecil kelapa ini.
75. PR-022-L18500
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan ciri-ciri KPI (Key Performance Index) yang diguna pakai oleh Kementerian bagi memantau kejayaan pelaksanaan langkah-langkah penguatkuasaan peraturan-peraturan dan keperluan alam sekitar di negara kita.
76. PR-022-L18642
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peratusan kilometer jalan raya yang dibina di seluruh negeri Sarawak jika dibandingkan negeri Kelantan dengan nisbah keluasan. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak khas untuk projek pembinaan dan menaik taraf jalan raya dari tahun 2006 hingga 2008.
77. PR-022-L19561
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah peruntukan dana pembangunan belia di setiap negeri di Malaysia telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan berapakah jumlah peruntukan dana yang boleh digunakan bagi kawasan Parlimen Sibuti untuk tahun 2009.
78. PR-022-L19325
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Malaysian Airport Holdings Bhd (MAHB) membenarkan Air Asia berhutang cukai lapangan terbang berjumlah RM65 juta (tunggakan setakat 28-02-2009) walaupun ia telah dikutip terdahulu daripada penumpang dan Air Asia memang mencatatkan untung besar tahunan sejak penubuhannya, dan mengapakah MAHB perlukan rundingan khas dengannya untuk mendapatkan kembali tunggakan tersebut.

79. PR-022-L19036
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan menimbang untuk mewujudkan pengangkutan awam air seperti bas feri di sungai-sungai di Kuala Lumpur; dan
 - (b) jika tidak, kenapa ia tidak boleh dilakukan.
80. PR-022-L19307
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai pinjaman pelajaran dari JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) untuk mereka yang bukan Bumiputera. Adakah terdapat sebarang kriteria yang spesifik bagi golongan bukan Bumiputera yang memohon biasiswa atau pinjaman Kerajaan dari aspek keputusan peperiksaan, kaum dan jumlah pendapatan ibu bapa.
81. PR-022-L20011
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perbelanjaan Ops Fajar 1 & 2, Misi Escort di laksana oleh KD Sri Inderasakti dan KD Hang Tuah secara berasingan dan jumlah keseluruhan.
82. PR-022-L19199
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kes penipuan Syarikat Pembinaan Bandar Subang Sdn. Bhd. yang mengugut tidak mahu menyerahkan sijil hak pemilikan pembeli sehingga pembeli menjelaskan tambahan sehingga mencecah RM10,000 untuk kos pembinaan yang lebih di mana pembinaan tersebut tidak terkandung di dalam terma dan syarat perjanjian sebelumnya.
83. PR-022-L19123
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) mengapakah masalah kekurangan guru terlatih tidak dapat diselesaikan; dan
 - (b) berapakah bilangan guru sementara (guru sandaran) yang masih bertugas di seluruh negara.
84. PR-022-L20133
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa peruntukan yang diberikan untuk membangun dan menaik taraf taman perindustrian mengikut pecahan negeri setiap tahun semenjak tahun 2000 dan untuk Pulau Pinang, berikan pecahan taman perindustrian.

85. PR-022-L18536
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan semua langkah-langkah untuk membantu pengusaha-pengusaha SME dan mekanisme pemantau untuk memastikan pengusaha-pengusaha dari semua kaum mendapat bantuan dan layanan yang saksama untuk mengatasi kemerosotan ekonomi.
86. PR-022-L19867
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Bandaraya Kuching.
87. PR-022-L18906
Tuan Gobalkrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memantau dan mencegah penjualan samsu secara haram di Kawasan Parlimen Padang Serai.
88. PR-022-L19790
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk melindungi dan meningkatkan kualiti hidup warga emas yang lebih baik yang pernah mereka nikmati sebelum bersara dan apakah langkah untuk membantu mereka yang tersepit dalam suasana kemerosotan ekonomi sekarang.
89. PR-022-L19629
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menangani dan mengelakkan konflik sesama negara jiran serantau serta mekanisme penyelesaian konflik (conflict resolution mechanism) yang sesuai.
90. PR-022-L19427
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes ibu mengandung anak luar nikah dan kes anak luar nikah yang dikendalikan oleh Kementerian. Berapakah kes ulangan dan apakah Kementerian dilihat berjaya mengendalikan kes-kes ibu mengandung anak luar nikah dan kes-kes anak luar nikah.

91. PR-022-L18491
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang mengkaji dan menambahbaikkan syarat dalam pemilihan penender makanan berasrama dengan memasukkan syarat penender perlu bahan mentah dari pemborong atau pembekal dalam kawasan yang telah ditetapkan dalam sesuatu kawasan Parlimen, khususnya dalam membantu petani dan penternak memasarkan produk mereka.
92. PR-022-L18944
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan benar-benar mengambil langkah untuk memastikan kanak-kanak tanpa surat beranak dapat melanjutkan pendidikan. Sekiranya betul nyatakan bila surat pekeliling dikeluarkan kepada sekolah dan berikan nombor rujukan.
93. PR-022-L19786
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peranan dan tugas Unit Berkuda PDRM berpangkalan di Bukit Aman, kekuatan unit dan usaha untuk memperkembangkan penggunaan unit berkuda di bandar-bandar utama seluruh negara yang kini semakin berdepan dengan peningkatan kes-kes jenayah.
94. PR-022-L18597
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status kajian pemetaan kawasan berbahaya bagi mengesan tanda awal pergerakan tanah dan nyatakan kawasan-kawasan cerun sensitif dan berisiko untuk dibangunkan di seluruh negara.
95. PR-022-L18413
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah projek Jambatan Indah atau Jambatan Bengkok (CROOKED BRIDGE) akan diteruskan semula setelah ianya dibatalkan pada April 2006 kerana keadaan semakin mendesak ekoran Tambak Johor tidak lagi mampu menampung pertambahan trafik.
96. PR-022-L19560
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) mengapa tidak ditubuhkan sebuah badan seperti Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) dalam pasukan Polis DiRaja Malaysia; dan
 - (b) sekiranya ditubuhkan, apakah pegawai yang mengetuai badan ini diberi pangkat setaraf dengan Pesuruhjaya Polis.

97. PR-022-L19518
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk penapisan atau KPI yang diguna pakai dalam pembentukan dan pelantikan anggota Kabinet yang berintegriti.
98. PR-022-L19158
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) mengapa Kerajaan tidak memansuhkan kutipan tol di Lebuhraya New Pantai Expressway (NPE) Plaza Tol PJS 2 (arah ke Subang) tetapi hanya memansuhkan kutipan tol di sebelah arah ke Kuala Lumpur sedangkan penduduk di Taman Dato' Harun dan Taman Medan sekian lama menentang kewujudan plaza tol tersebut; dan
 - (b) berapakah jumlah pampasan yang diberi kepada konsesi tol NPE dengan pemansuhan kutipan tol itu (arah ke Kuala Lumpur).
99. PR-022-L19010
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana persediaan sudah dirancang oleh Petronas bagi menghadapi kehabisan minyak yang diusahakan oleh Petronas pada masa akan datang.
100. PR-022-L19014
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah KADA telah berjaya memainkan peranannya secara berkesan dalam menyelesaikan masalah petani serta membantu mereka mempertingkatkan pendapatan. Nyatakan statistik untuk 5 tahun terkini dari segi peningkatan hasil padi dan pendapatan keseluruhan petani di kawasan KADA.
101. PR-022-L18561
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan bank tempatan dan bilangan wakil insurans am dari syarikat insurans yang terlibat dalam industri ini, serta berapakah peratusan dan jumlah pembiayaan dari syarikat insurans berbanding dengan bank dari tahun 2005 hingga kini.
102. PR-022-L19244
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah yang telah di cadang oleh Jabatan Peguam Negara selepas perjumpaan di antara Kementerian dengan Badan Peguam Malaysia pada 6.11.2008 berkenaan Kanun Tanah Negara terutamanya cadangan untuk meminda seksyen 340(3).

103. PR-022-L20019
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan pembangunan dan perpindahan SMK Confucian ke Seri Kembangan, Selangor.
104. PR-022-L18648
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa peratuskah petunjuk yang diambil kira oleh pasukan polis sebelum sesuatu tangkapan dilakukan terhadap orang yang disyaki sebagai pelaku jenayah.
105. PR-022-L19678
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Ahli Parlimen pembangkang ditamatkan menjadi Ahli Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah di mana mereka juga adalah wakil rakyat yang dipilih untuk mewakili rakyat. Apakah tindakan ini tidak adil serta jelas kes diskriminasi.
106. PR-022-L19968
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ;-
- (a) dengan terperinci kriteria yang digunakan dalam program e-kasih untuk menentukan seseorang itu di dalam golongan miskin tegar atau miskin; dan
 - (b) adakah Kementerian merujuk kepada Borang JKM Cari daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam mengemas kini senarai e-kasih.
107. PR-022-L18799
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan dasar baru slogan 'One Malaysia', apakah penglibatan Jabatan di peringkat negeri dan Persekutuan dalam melaksanakan slogan ini.
108. PR-022-L19306
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja mahir (skilled workers) dan profesional warga asing pada tahun 2004 sehingga 2009.
109. PR-022-L19520
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai pelan tindakan jangka panjang Kerajaan untuk mengatasi masalah "accessibility" kepada pengangkutan awam yang begitu kronik di negara ini.

110. PR-022-L19758
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina "flyover" di hadapan persimpangan tol Seremban sedia ada untuk menyelesaikan masalah kesesakan di antara Bandar Seremban dengan Seremban 2 dan sekiranya ada, bilakah projek akan dimulakan, kos projek dan butir-butirnya.
111. PR-022-L19462
Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah perkhidmatan feri di antara Singapura dengan Tanjung Pengelih, Johor diberikan secara eksklusif kepada sebuah syarikat pengusaha sahaja dan tidak dibuka kepada pengusaha-pengusaha lain bersesuaian dengan liberalisasi sektor perkhidmatan Negara.
112. PR-022-L19884
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membangunkan dan menggalakkan teknologi hijau di negara kita. Apakah produk teknologi hijau yang digalakkan oleh Kementerian dan juga insentif yang diberi oleh pengilang bahan teknologi hijau tersebut.
113. PR-022-L20056
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rasionalnya menaikkan harga minyak petrol RON97 yang digunakan oleh sebahagian besar pemilik kenderaan di negara ini dari RM1.80 seliter kepada RM2 dan adakah kenaikan tersebut semata-mata kerana Kerajaan mengkategorikannya sebagai produk premium.
114. PR-022-L19403
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang membantu dalam usaha menghulurkan perkhidmatan perubatan dan keperluan asas lain kepada masyarakat Tamil di Sri Lanka. Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan setakat ini.
115. PR-022-L18667
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian bercadang untuk menurunkan kadar pinjaman PTPTN dari 4% hingga 1%; dan
 - (b) berapakah jumlah pinjaman PTPTN sejak tahun 2008 kepada pelajar pengajian tinggi dan jumlah bayaran balik.

116. PR-022-L19487
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah program R&D yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan peningkatan pendapatan penduduk luar bandar yang bergantung kepada hasil pertanian bermusim seperti durian yang terjejas teruk akibat daripada kurangnya pasaran jualan buah segar.
117. PR-022-L20174
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria asas yang paling penting pelantikan Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri dalam sistem kabinet di negara ini dan pihak manakah yang menasihati Perdana Menteri dalam membuat keputusan mengenai pelantikan penting itu.
118. PR-022-L18627
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maksud sebenar dan keberkesanan konsep "1 Malaysia" serta langkah-langkah dan cadangan untuk memastikan kejayaannya.
119. PR-022-L19212
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tiadakah satu perancangan kerjaya (career development) yang berkesan di dalam perkhidmatan awam, misalnya, Perkhidmatan Ketua Setiausaha Negara terpaksa dilanjutkan secara kontrak selama dua kali (2 tahun + 1 tahun). Adakah ini bermakna cara jalan perkhidmatan awam tidak mampu melatih pengganti beliau, kebelakangan ini.
120. PR-022-L19095
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah kos rendah yang telah disiapkan tetapi tidak dapat dijual atau disewakan mengikut negeri dan jumlah di seluruh negara dan sebab-sebab mengapa rumah ini tidak dapat dijual/disewa serta langkah-langkah untuk menangani masalah ini.
121. PR-022-L18676
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pecahan bilangan rakyat Indonesia, Filipina dan lain-lain yang mendapat kerakyatan sebagai Warganegara Malaysia di Sabah sejak tahun 1970-1990. Berapa jumlah anak-beranak daripada warga/kaum itu dalam masa tempoh 20 tahun tersebut.

122. PR-022-L19596
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah keseluruhan permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi negeri Kedah untuk tahun 2008 dan suku pertama 2009 dan nyatakan peratusan permohonan yang telah diproses dan jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi permohonan-permohonan tersebut.
123. PR-022-L18934
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jenis dan jumlah pinjaman dan geran yang dikeluarkan oleh SMIDEC, MOSTI dan MTDC serta kesannya dalam usaha membangun dan memperkasa Industri Kecil dan Sederhana. Senaraikan peratusan dan jumlah yang telah dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat Bumiputera.
124. PR-022-L19445
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersetuju bahawa konflik politik berlanjutan di Perak. Sekiranya tidak, apakah langkah-langkah yang wajar untuk memulihkan kejernihan keadaan politik di Perak.
125. PR-022-L19045
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur yang diambil untuk menyelesaikan isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan Islam.
126. PR-022-L18604
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) sama ada Kementerian berhasrat memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Penerbitan dan Percetakan; dan
 - (b) jika ya, bilakah Kementerian akan mengemukakan Akta-akta tersebut ke Parlimen dan jika tidak, apakah sebabnya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 - **Menyambung Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (22 Jun, 2009).**

(Kementerian Dalam Negeri)

2. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, menurut Peraturan 66A dan 67B Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat:

“BAHAWASANYA, berikutan pelantikan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia yang ke-enam, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa Kementerian berkuat kuasa 10 April 2009 seperti berikut:

- (a) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi diserap ke Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani;
- (b) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan diserap ke Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan; dan
- (c) Fungsi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkaitan dengan komunikasi dan agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

DAN BAHAWASANYA –

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2009 (Akta A1340);
- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian- kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];

- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2009;
- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya;
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus –
 - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion lapan puluh lapan juta dua ratus tiga puluh enam ribu tiga ratus sembilan ringgit (RM1,088,236,309) di bawah Maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua belas juta satu ratus tujuh puluh ribu empat ratus tiga puluh dua ringgit (RM12,170,432), Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak satu bilion lima puluh empat ribu lima ratus ringgit (RM1,000,054,500) Maksud B.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak empat juta tujuh ratus tiga ribu tujuh ratus sembilan puluh dua ringgit (RM4,703,792), Maksud B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak enam puluh tiga juta lima ratus lapan puluh tujuh ribu lapan ratus lapan puluh lima ringgit (RM63,587,585) dan Maksud B.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tujuh juta tujuh ratus dua puluh ribu ringgit (RM7,720,000);

- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi empat ratus dua puluh sembilan juta sembilan ratus ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM429,900,987) di bawah Maksud B.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak seratus lapan belas juta enam ratus empat puluh tujuh ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM118,647,547) dan Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak tiga ratus sebelas juta dua ratus lima puluh tiga ribu empat ratus empat puluh ringgit (RM311,253,440); dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima juta dua ratus tujuh belas ribu tujuh puluh enam ringgit (RM5,217,076) di bawah Maksud B.26 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan).

2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan –

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion tiga ratus enam puluh enam juta sembilan ratus sembilan puluh ribu empat ratus dua puluh lapan ringgit (RM1,366,990,428) di bawah Maksud P.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak enam juta enam ratus ribu ringgit (RM6,600,000), Maksud P.10 Perbendaharaan sebanyak tiga ratus dua puluh lima juta lapan ratus tiga puluh tujuh ribu lapan ratus ringgit (RM325,837,800), Maksud P.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak dua juta sembilan ratus ribu ringgit (RM2,900,000), Maksud P.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak enam ratus lapan puluh satu juta dua belas ribu ringgit (RM681,012,000) , Maksud P.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak dua ratus tujuh puluh empat juta enam ratus tujuh puluh lapan ribu lapan ratus sembilan puluh empat ringgit (RM274,678,894), Maksud P.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak tujuh puluh dua juta tiga ratus dua puluh enam ribu satu ratus sembilan puluh lima ringgit (RM72,326,195) dan Maksud P.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tiga juta enam ratus tiga puluh lima ribu lima ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM3,635,539);

- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam ratus tiga puluh tiga juta lima puluh sembilan ribu enam ratus dua puluh empat ringgit (RM633,059,624) di bawah Maksud P.29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan); dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus sepuluh juta satu ratus dua puluh lima ribu tiga puluh sembilan ringgit (RM210,125,039) di bawah Maksud P.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua puluh enam juta tujuh puluh sembilan ribu tujuh ratus ringgit (RM26,079,700) dan Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak satu ratus lapan puluh empat juta empat puluh lima ribu tiga ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM184,045,339).”

- | | | | |
|----|----------------|---|---|
| 3. | (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008. (Perdana Menteri) | “ |
| 4. | (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. (Kementerian Kewangan) | “ |
| 5. | (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. (Perdana Menteri) | “ |
| 6. | (D.R. 8/2009) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009 (Kementerian Kewangan) | “ |
| 7. | (D.R. 10/2009) | Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009 (Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri) | “ |
| 8. | (D.R. 11/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009 (Perdana Menteri) | “ |

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)".

10. PR-022-U18570

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

11. PR-022-U18572

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan. Dan mengambil maklum bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini juga kian meningkat dan peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia."

Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

12. PR-022-U18573

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

13. PR-022-U20149

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

14. PR-022-U20151

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

15. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

16. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

17. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

18. PR-022-U19953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

19. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

20. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

21. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

22. PR-022-U18680

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

23. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

24. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

25. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

26. PR-022-U18464

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

27. PR-022-U20067

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

28. PR-022-U20167

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

29. PR-022-U20168

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes "agama bersama" atau "common" religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

30. PR-022-U20169

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Basiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut" serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

31. PR-022-U19220

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Perdana Menteri]

32. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

33. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"**BAHAWASANYA** beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.
3. Pada 29/3/2009, YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi kawasan DUN Tebing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Dato' Dr Mah Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.

4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.
5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap merana menunjukkan soladiriti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencero bohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.
9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan 'Daulat Tuanku' atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.
11. Polis bertindak tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.
12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.

13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.
14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran 'Polis, Raja di Malaysia' kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar 'Polis DiRaja Malaysia' oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

34. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Islam adalah agama bagi persekutuan ***termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya***'

[Perdana Menteri]

35. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, ***kecuali undang-undang dan syariat Islam,***

apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan ***Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara'*** hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.'

[Perdana Menteri]

36. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan)

'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, termasuk menukar agamanya bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya'

[Perdana Menteri]

37. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut :-

'...tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...' dan diganti dengan perkataan berikut ;

'dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syara' dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam'.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas".

[Perdana Menteri]

38. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan pada 08hb.Oktober 1987 dan mengambil langkah memansuh dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik’.

39. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja”.

40. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

41. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

[Perdana Menteri]

42. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Caucus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai ***Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India***”.

[Perdana Menteri]

43. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

[Kementerian Pelajaran]

44. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan’.

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

45. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

[Kementerian Dalam Negeri]

46. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini menganbil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutamanya pramugari memakai pakaian / uniform yang mematuhi hukum syara’ sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airlines, Royal Brunei Airline dan lain-laian”.

[Kementerian Pengangkutan]

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirate Airways, Brunei Airline dan lain-lain.

[Kementerian Pengangkutan]

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom dipremisnya”.

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dalam kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi".

[Kementerian Dalam Negeri]

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan Solat teruatomanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini".

[Perdana Menteri]

51. PR-022-U18752
Tuan Zulkifli Bin Noordin (Kulim Bandar Bharu) akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan/atau menarik balik arahan supaya kes-kes penceraian pasangan bukan Islam yang salah seorang dari mereka memilih untuk memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil; atau kes-kes anak-anak bawah umur yang di Islamkan oleh ibu, bapa atau penjaga mereka (yang asalnya bukan Islam) yang kemudiannya memilih memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil.

Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan / atau menarik balik arahan supaya dasar “common religion” (dengan izin) yang hendak diterima pakai bagi kes-kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dimana semua kanak-kanak dibawah 18 tahun dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan sedangkan dasar “common religion” ini bercanggah dengan hukum syara’ dan perundangan negara seperti berikut:

- i. kerana secara langsung menyebabkan ibu, bapa atau penjaga (yang bukan Islam) dan memilih untuk memeluk Islam akan kehilangan hak penjagaan anak tersebut; sekaligus membantutkan usaha da’wah Islam kerana bukan Islam akan menjadi ragu-ragu untuk memeluk Islam kerana khuatir kehilangan anak;
- ii. dalam keadaan kedua ibu-bapa kanak-kanak (yang asalnya bukan Islam) memilih untuk memeluk Islam maka dasar “common religion” tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu kekal dalam agama asal ibu bapanya dan oleh itu mendedahkan kanak-kanak itu menjadi perebutan untuk penjagaan oleh mana-mana pihak ketiga yang bukan Islam;
- iii. sedangkan hukum syara’ menetapkan bahawa dalam keadaan mana-mana salah seorang ibu-bapanya memeluk Islam maka kanak-kanak dibawah umur aqil baligh itu hendaklah dianggap Islam.
- iv. Dalam kes *Nedunchelian v. Nur Safiqah* [2005] 2 AMR 711, Mahkamah Tinggi sivil telah memutuskan bahawa menurut hokum syara’ berdasarkan fahaman mazhab syafi’e (yang dianuti majority umat Islam di Malaysia) bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa seseorang kanak-kanak itu memeluk agama Islam, maka secara automatik anak-anak itu juga dianggap Islam, tanpa perlu kepada formaliti atau persijilan pemelukan kepada agama Islam.
- v. Mahkamah Rayuan didalam kes *Subashini* [2007] 2 AMR 540 telah memutuskan bahawa isu ini tertakluk kepada Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya” dan Mahkamah Rayuan menafsirkan bahawa hak menentukan agama seseorang kanak-kanak bergantung kepada mana-mana salah seorang daripada mereka iaitu ibu, bapa atau penjaga. Bermakna salah seorang daripada mereka berhak untuk menentukan agama yang boleh di anuti oleh anak-anak mereka.

- vi. Keputusan Mahkamah Rayuan ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes Teoh Eng Huat v. MAIK [1990] MLJ 300.
- vii. Bahawa dasar “common religion” ini hanya berteraskan kepada anggapan bahawa kanak-kanak itu dianggap menganut agama ibubapanya semasa dilahirkan, dan tanggapan itu termansuh dengan sendirinya apabila kanak-kanak itu mencapai umur 18 tahun di mana di waktu itu sebagai seseorang yang sudah cukup umur kanak-kanak itu mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Sudah tentu dasar seperti ini bercanggah dengan hukum syara’ kerana seseorang kanak-kanak Muslim itu dianggap kekal Muslim apabila mencapai umur aqil baligh melainkan diisytiharkan murtad oleh mana-mana Hakim syarie yang melaksanakan undang-undang Islam.
- viii. Dasar ini juga akan menyebabkan pasangan yang memeluk Islam itu terikat kepada sistem perundangan yang bukan Islam dan ini bercanggah sama sekali dengan hukum syara dan juga Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan kebebasan mana-mana warganegara menganut dan mengamal agama pilihannya, bermakna apabila beliau memilih Islam maka beliau berhak untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah menurut undang-undang munakahat Islam;
- ix. Dasar yang diputuskan oleh kabinet termasuk mengarahkan kes-kes seumpama di atas dibicarakan di Mahkamah Sivil dan melaksanakan dasar “common religion” akan menyebabkan kepada percanggahan dengan hukum syara, bercanggah dengan Artikel 11, Artikel 12, Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

(Perdana Menteri)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

| TARIKH UCAPAN DIBUAT | AHLI YANG BERUCAP | TAJUK UCAPAN | MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB |
|-----------------------------|---|--|--|
| 1. 23.6.2009 (Selasa) | 1. Tuan Mohd Firdaus Jaafar (Jerai) | 1. Skim Bantuan Segera Persekutuan bagi kawasan Parlimen (BSKP). | 1. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| 2. 23.6.2009 (Selasa) | 2. Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) | 2. Tuntutan dan pampasan perkeso (PERKESO) | 2. Menteri Sumber Manusia |